

**WORLD BUSINESS MASTERCARD UOB**  
**Insurans Kemalangan Peribadi Kembara Percuma**  
**Terma dan Syarat**

**Am**

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") akan digunakan untuk Kad World Business MasterCard United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") yang dikeluarkan oleh UOBM kepada Ahli Kad World Business UOBM ["Ahli Kad"].

Terma dan Syarat ini perlu dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard UOBM ("Perjanjian Ahli Kad").

Untuk mengelakkan keraguan, "Ahli Kad" bermakna kedua-dua Ahli Kad utama dan tambahan.

Kecuali ditakrif secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Terma dan Syarat ini mempunyai makna yang sama seperti di dalam Perjanjian Ahli Kad.

Manfaat dan keistimewaan yang dihuraikan di bawah boleh dipinda, ditambah atau dibatalkan oleh UOBM pada bila-bila masa sahaja, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.

1. Terma dan Syarat ini digunakan untuk pemegang kad World Business Mastercard UOB. Untuk mendapat perlindungan insurans percuma, akaun kad mestilah aktif dan tidak tertunggak.
2. Perlindungan insurans ini ditaja jamin oleh Liberty Insurance Berhad.
3. UOBM tidak bertanggungjawab dan tidak menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk yang timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh penyertaan Ahli Kad dalam polisi ini. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan yang ditolak oleh Liberty Insurance Berhad.
4. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata atau salah tafsir fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan polisi ini.
5. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan berhubung dengan polisi ini.
6. UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan di laman web UOBM, penampilan notis di mana-mana cawangan UOBM, Khidmat Pesanan Ringkas dan/atau kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun.
7. Ini merupakan polisi tahunan yang boleh diperbarui. UOBM berhak untuk menghentikan polisi ini pada tarikh tamat tempoh.
8. Sekiranya berlaku tuntutan, apa-apa caj yang dikenakan akan ditanggung oleh Ahli Kad.
9. Terma & Syarat berikut merupakan syarat yang dikenakan oleh Liberty Insurance Berhad.

**DEFINISI**

1. **"Kemalangan"** bermakna kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa dan berlaku pada masa dan tempat yang boleh dikenalpasti, tanpa bergantung pada apa-apa sebab lain, adalah satu-satunya sebab kecederaan anggota badan.
2. **"Syarikat Penerbangan"** bermakna Syarikat Penerbangan yang disenaraikan dalam Panduan Penerbangan Rasmi terkini yang dikeluarkan dan dikemaskini dari semasa ke semasa oleh United Business Media Limited, dan Syarikat Penerbangan tersebut mempunyai sijil, lesen atau kebenaran sah untuk menyediakan pengangkutan udara berjadual yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di negara di mana pesawatnya beroperasi.
3. **"Manfaat"** bermakna jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
4. **"Kecederaan Anggota Badan"** bermakna kecederaan anggota badan semata-mata yang disebabkan secara langsung oleh sesuatu Kemalangan dan tidak termasuk kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh Kesakitan atau penyakit, jangkitan bakteria atau virus yang tidak berlaku melalui kecederaan atau luka yang tidak sengaja.
5. **"Perjalanan Perniagaan"** bermakna tiket penerbangan yang dibeli menggunakan Kad Pembayaran untuk perjalanan yang dilakukan oleh Pihak Diinsuranskan bagi tujuan menunaikan tugas pekerjaan Pihak Diinsuranskan yang dibeli dengan menggunakan Kad Pembayaran.
6. **"Kad Pembayaran"** bermakna Kad Komersial UOB.
7. **"Pengangkutan Umum"** bermakna kenderaan yang dilesenkan untuk membawa penumpang mengikut syarat dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kawal selia yang berkenaan yang disediakan untuk kegunaan penumpang yang membayar tambang.
8. **"Tarikh Kemalangan"** adalah tarikh apabila Kemalangan berlaku.
9. **"Tambang Penuh"** bermakna tambang 100% yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad mengikut tambang biasa atau Tambang Konsesi.
10. **"Pemegang Polisi"** bermakna United Overseas Bank (Malaysia) Berhad (271809-K).
11. **"Peristiwa Diinsuranskan"** bermakna peristiwa yang dilindungi di bawah polisi ini yang dihuraikan dengan lebih khusus dalam setiap bahagian polisi ini.
12. **"Pihak Diinsuranskan"** bermakna seorang kakitangan Ahli Diinsuranskan yang menggunakan Kad Pembayaran untuk tujuan Perjalanan Perniagaan. Ahli Diinsuranskan adalah pelanggan Kad Komersial UOB (yang terdiri daripada perbankan perniagaan, perbankan komersial, perbankan korporat dan syarikat multinasional) yang memohon Kad Pembayaran untuk kegunaan perbelanjaan perniagaan.
13. **"Diinsuranskan"** bermakna sebuah entiti korporat yang melanggar penggunaan Kad Pembayaran daripada Pemegang Polisi bagi manfaat Pihak Diinsuranskan untuk tujuan Perjalanan Perniagaan.
14. **"Kekal"** bermakna berlangsung selama 12 bulan kalender dari tarikh kemalangan, dan pada tamat tempoh 12 bulan kalender ini, dinasihat oleh seorang Pengamal Perubatan bahawa tidak ada harapan untuk sembuh.
15. **"Tempoh Polisi"** bermakna tempoh di mana perlindungan insurans dikuatkuasakan.
16. **"Pengamal Perubatan"** bermakna seorang pengamal perubatan yang berdaftar, berlesen dan berkelayakan untuk mengamalkan perubatan barat dalam bidang kepakaran perubatan di kawasan geografi dan bidang kuasa di mana perkhidmatan perubatan beliau disediakan, dan

bukan seorang pihak diinsuranskan, rakan kongsi perniagaan, agen atau seorang yang tidak berkaitan dengan pihak diinsuranskan atau keluarga terdekat pihak diinsuranskan.

17. **"Kenderaan Awam"** bermakna sebarang Penerbangan Berjadual, atau mana-mana pengangkutan darat atau air yang dilesenkan sewajarnya untuk mengangkut penumpang yang membayar tambang dan tidak termasuk apa-apa kenderaan sewa persendirian atau kenderaan sewa atau apa-apa kenderaan yang dikendalikan untuk tujuan bersiar-siar atau pelancongan.
  18. **"Penerbangan Berjadual"** bermakna mana-mana satu daripada yang berikut:
    - a) Penerbangan daripada Syarikat Penerbangan untuk laluan yang dijadualkan,
    - b) Penerbangan tambahan yang dikendalikan oleh Syarikat Penerbangan untuk memenuhi permintaan untuk laluan yang dijadualkan,
    - c) Penerbangan yang disewa daripada Syarikat Penerbangan di mana tiket penerbangan dikeluarkan melalui agen dilantik dan tersedia untuk orang awam.
- Masa berlepas, pindahan dan destinasi akan ditetapkan dengan merujuk kepada tiket Penerbangan Berjadual Pihak Diinsuranskan.
19. **"Kesakitan"** bermakna sebarang penyakit somatik, kesakitan atau penyakit yang tidak dijangka.

## **BAHAGIAN 1: KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN DAN KETIDAKUPAYAAN KEKAL (semasa Perjalanan dalam Pengangkutan Umum Udara sahaja)**

### **1.0 Pendahuluan**

Liberty Insurance Berhad akan membayar Pihak Diinsuranskan sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat jika mana-mana Peristiwa Diinsuranskan yang dinyatakan di bawah Bahagian 1.2 berlaku kepada Pihak Diinsuranskan sewaktu beliau menaiki pesawat, mengembara sebagai penumpang yang membayar tambang atau turun dari mana-mana Kenderaan Awam yang dikendalikan oleh Pengangkutan Umum di mana Tambang Penuh Pihak Diinsuranskan telah dicajkan kepada Kad Pembayaran.

Insuran ini dilanjutkan untuk melindungi Pihak Diinsuranskan:

- a) sewaktu berada dalam mana-mana bangunan terminal Pengangkutan Umum untuk tujuan nyata yang melibatkan perjalanan penumpang;
- b) sewaktu dalam perjalanan sebagai penumpang dalam kenderaan bermotor empat roda yang berdaftar atau Kenderaan Awam, tetapi hanya:
  - i) untuk perjalanan terus ke lapangan terbang bagi tujuan menaiki pesawat;
  - ii) apabila meninggalkan lapangan terbang selepas turun dari pesawat/kapal sehingga sampai ke destinasi berikutnya.

#### **1.1 Jadual manfaat**

Tertakluk sentiasa kepada Perkara 1.4 Had Liabiliti, Manfaat yang perlu dibayar oleh Liberty Insurance Berhad mestilah mengikut peratusan yang ditetapkan dalam jadual pampasan di bawah.

#### **1.2 Peristiwa Diinsuranskan**

Peristiwa Diinsuranskan di bawah Bahagian ini adalah untuk Kecederaan Anggota Badan yang menyebabkan kematian atau ketidakupayaan seperti yang dinyatakan dalam jadual pampasan di bawah:

<b>JADUAL PAMPASAN</b>		
NO.	PERISTIWA DIINSURANSKAN	PERATUSAN JUMLAH DIINSURANSKAN
1	Kehilangan nyawa akibat kemalangan	100%
2	Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	100%

3	Kehilangan satu tangan dan/atau satu kaki	100%
4	Kehilangan keseluruhan penglihatan di kedua-dua mata	100%
5	Kehilangan keseluruhan penglihatan di satu mata	100%
5	Kehilangan keseluruhan penglihatan di satu mata dan satu tangan atau satu kaki	100%

"Kehilangan" yang merujuk kepada mata bermakna kehilangan penglihatan secara keseluruhan dan tidak dapat dipulihkan bagi mata tersebut.

Jika dalam masa satu tahun dari Tarikh Kemalangan, kecederaan yang dialami oleh Pihak Diinsuranskan di bawah Bahagian 1 membawa kepada mana-mana Peristiwa Diinsuranskan seperti yang ditentukan, Liberty Insurance Berhad akan membayar Peratusan Jumlah Modal Diinsuranskan, dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu jumlah ini (yang lebih tinggi tertakluk kepada liabiliti maksimum sebanyak 100%) akan dibayar untuk Kecederaan Anggota Badan sedemikian akibat daripada mana-mana satu Kemalangan.

### **1.3 Jumlah Modal Diinsuranskan**

Had Liabiliti bagi setiap Pihak Diinsuranskan: sehingga RM1,000,000

### **1.4 Had Liabiliti**

Liabiliti gabungan maksimum Liberty Insurance Berhad di bawah Bahagian 1: Perlindungan Kemalangan Perjalanan Pengangkutan Umum berhubung dengan mana-mana satu Kejadian Kehilangan ialah RM5,000,000.00.

Jika jumlah agregat bagi semua tuntutan yang perlu dibayar daripada mana-mana Kejadian Kehilangan melebihi RM5,000,000.00, maka jumlah yang perlu dibayar bagi setiap Pihak Diinsuranskan akan dikurangkan secara berkadar.

### **1.5 Pelanjutan Automatik**

#### **Pendedahan dan Kehilangan**

Walau dengan apa pun yang terkandung di sini yang bertentangan, dengan ini ia difahami dan dipersetujui bahawa jika mayat Pihak Diinsuranskan tidak dijumpai dalam tempoh 12 bulan selepas Tarikh Kemalangan disebabkan oleh Pengangkutan Umum yang dinaiki Pihak Diinsuranskan telah terhempas, tenggelam atau hancur pada waktu Kemalangan tersebut yang dilindungi oleh polisi ini, ia akan dianggap bahawa Pihak Diinsuranskan mengalami Kecederaan Anggota Badan yang menyebabkan kematian Pihak Diinsuranskan pada waktu Kemalangan tersebut. Jika Pihak Diinsuranskan didapati masih hidup pada bila-bila masa selepas pembayaran dilakukan oleh Liberty Insurance Berhad untuk tuntutan tersebut, bayaran balik sepenuhnya perlu dilakukan kepada Liberty Insurance Berhad.

### **1.6 Pengecualian**

Bahagian ini tidak melindungi sebarang tuntutan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau berkaitan dengan:

- a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, dahagi, penentangan, revolusi, pemberontakan, kuasa tentera atau rampasan kuasa;
- b) tindak balas nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif;
- c) rusuhan;
- d) apa-apa tindakan keganasan;

Untuk tujuan ini, tindakan keganasan bermakna sesuatu tindakan, tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana individu atau kumpulan individu, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak lain atau berhubung dengan sebarang organisasi atau kerajaan, yang komited untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam, dalam ketakutan.

Pengecualian ini juga tidak termasuk kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada atau berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, mencegah, menindas atau dengan apa-apa cara yang berkaitan dengan sebarang tindakan keganasan.

- e) Pihak Diinsuranskan
  - i. terlibat dalam perjalanan udara/air/darat kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang;
  - ii. terlibat dalam tindakan jenayah;
  - iii. membunuh diri atau mencederakan diri dengan sengaja (sama ada dengan niat jahat atau tidak) atau apa-apa cubaan ancaman semasa beliau waras atau tidak waras.
- f) Liberty Insurance Berhad tidak akan menyediakan perlindungan atau perkhidmatan untuk:
  - I. apa-apa kerugian, kecederaan, ganti rugi atau liabiliti undang-undang yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada perjalanan di dalam, ke atau melalui Afghanistan, Cuba, Republik Demokratik Congo, Iran, Iraq, Liberia, Sudan atau Syria; dan
  - II. apa-apa kerugian, kecederaan, ganti rugi atau liabiliti undang-undang yang ditanggung atau dialami secara langsung atau tidak langsung oleh seorang pihak diinsuranskan jika pihak diinsuranskan tersebut merupakan:
    - (i) seorang pengganas;
    - (ii) ahli organisasi pengganas;
    - (iii) pengedar narkotik; atau
    - (iv) pembekal senjata nuklear, kimia atau biologi.
- g) Perlindungan insurans tidak termasuk yang berada di bawah kategori berikut:
  - Pembelian tiket penerbangan yang dilakukan dengan kad kredit komersial yang dikaitkan kepada syarikat dan bukan seorang yang bernama, iaitu kakitangan, pengarah, individu yang dibenarkan oleh syarikat dan/atau kakitangan Pengurusan
  - Penumpang yang melakukan perjalanan adalah tidak sama dengan pemegang kad bagi tiket penerbangan yang dicajkan
  - Jika lebih daripada 1 orang yang melakukan perjalanan dan semua tiket penerbangan dicajkan kepada kad Pembayaran yang sama, hanya pemegang kad yang merupakan penumpang perjalanan akan dilindungi
- h) Liberty Insurance Berhad tidak akan menyediakan perlindungan dan Liberty Insurance Berhad tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau menyediakan apa-apa manfaat di bawah peruntukan perlindungan sedemikian, pembayaran manfaat sedemikian akan mendedahkan Liberty Insurance Berhad, syarikat induknya atau entiti kawalan utamanya kepada sebarang sekatan, larangan atau halangan di bawah resolusi Bangsa-bangsa Bersatu atau perdagangan atau sekatan, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

## **BAHAGIAN 2: INSURANS KESULITAN PERJALANAN**

### **2.0 Pendahuluan**

Liberty Insurance Berhad akan melindungi Pihak Diinsuranskan sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat jika mana-mana Peristiwa Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di dalam Bahagian 2.1 berlaku apabila Pihak Diinsuranskan melakukan perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam Penerbangan Berjadual di mana Tambang Penuh bagi Pihak Diinsuranskan telah dicajkan kepada Kad Pembayaran.

### **2.1 Peristiwa Diinsuranskan**

#### **2.1.1 Kelewatan Penerbangan**

Liberty Insurance Berhad akan membayar kos yang munasabah yang ditanggung untuk,

- a) Makanan, minuman, penginapan hotel, caj telefon dan perbelanjaan perjalanan yang ditanggung di antara lapangan terbang dan hotel;
- b) Pakaian dan barang keperluan penting jika bagasi Pihak Diinsuranskan telah didaftar masuk,

Jika waktu berlepas yang disahkan untuk Penerbangan Berjadual Pihak Diinsuranskan ditangguhkan selama **6 jam berturut-turut** atau dibatalkan oleh Syarikat Penerbangan atau Pihak Diinsuranskan tidak dibenarkan menaiki pesawat akibat terlalu banyak tempahan, dengan syarat tiada pengangkutan alternatif disediakan dalam tempoh **6 jam berturut-turut** dari waktu berlepas yang dijadualkan untuk penerbangan sedemikian.

Perlindungan untuk kelewatan penerbangan ialah RM1,000 bagi setiap orang yang dilindungi.

#### **2.1.2 Sambungan Penerbangan Terlepas**

Liberty Insurance Berhad akan membayar kos yang munasabah yang ditanggung untuk

- a) Makanan, minuman, penginapan hotel, caj telefon dan perbelanjaan perjalanan yang ditanggung di antara lapangan terbang dan hotel;
- b) Pakaian dan barang keperluan penting jika bagasi Pihak Diinsuranskan telah didaftar masuk,

Jika kelewatan dalam penerbangan masuk Penerbangan Berjadual Pihak Diinsuranskan yang dinaiki Pihak Diinsuranskan menyebabkan Pihak Diinsuranskan terlepas penerbangan sambungan berjadual ke luar yang disahkan, dan tiada Penerbangan Berjadual alternatif disediakan kepada Pihak Diinsuranskan dalam tempoh **6 jam berturut-turut** dari waktu ketibaan sebenar penerbangan masuk.

Perlindungan untuk sambungan penerbangan terlepas ialah RM1,000 bagi setiap orang yang dilindungi.

#### **2.1.3 Kelewatan Bagasi**

Liberty Insurance Berhad akan membayar kos yang munasabah yang ditanggung untuk pembelian kecemasan pakaian dan keperluan penting jika bagasi didaftar masuk Pihak Diinsuranskan tertangguh selama **6 jam berturut-turut** berikutan ketibaan yang dijadualkan di lapangan terbang destinasi.

Perlindungan untuk kelewatan bagasi ialah RM1,000 bagi setiap orang yang diinsuranskan.

#### **2.1.4 Kehilangan Bagasi**

Liberty Insurance Berhad akan membayar kos yang munasabah yang ditanggung untuk pembelian kecemasan pakaian dan keperluan penting jika

- a) Bagasi didaftar masuk Pihak Diinsuranskan telah hilang;
- b) Bagasi didaftar masuk Pihak Diinsuranskan tidak dihantar kepadanya dalam tempoh **48 jam** dari ketibaannya di lapangan terbang destinasi yang dijadualkan, dengan syarat bahawa bagasi didaftar masuk tersebut telah didaftar masuk oleh seorang pegawai sah pengendali pengangkutan yang dinaiki Pihak Diinsuranskan.

Untuk kehilangan bagasi didaftar masuk dengan Pengangkutan Umum, kehilangan sedemikian mesti diisyitharkan kepada kakitangan yang dibenarkan Pengangkutan Umum supaya dapat menerima tuntutan sedemikian, sebaik sahaja Pihak Diinsuranskan sedar akan kehilangan tersebut.

Perlindungan untuk kehilangan bagasi ialah RM1,000 bagi setiap orang yang diinsuranskan.

### **2.1.5 Peruntukan Khas**

- a) Jika, pada waktu sebarang tuntutan timbul di bawah perkara 2.1.3 dan 2.1.4, terdapat satu lagi insurans sah dan boleh kutip lain yang meliputi semua atau sebahagian daripada kerugian yang sama, Bahagian ini hanya akan digunakan untuk jumlah sebarang kerugian yang melebihi jumlah yang boleh diperoleh di bawah insurans lain.
- b) Sebarang jumlah yang dibayar di bawah perkara 2.1.3 akan ditolak daripada apa-apa bayaran yang perlu dibayar di bawah perkara 2.1.4 berkenaan dengan tuntutan yang sama. Jumlah maksimum digabungkan yang akan dibayar adalah **terhad kepada RM1,000.00**.

### **2.2 Pengecualian**

Bahagian ini tidak melindungi sebarang tuntutan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau berkaitan dengan:

- a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), perang saudara, dahagi, penentangan, revolusi, pemberontakan, kuasa tentera atau rampasan kuasa;
- b) tindak balas nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif;
- c) rusuhan;
- d) apa-apa tindakan keganasan;  
Untuk tujuan ini, tindakan keganasan bermakna sesuatu tindakan, tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana individu atau kumpulan individu, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak lain atau berhubung dengan sebarang organisasi atau kerajaan, yang komited untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam, dalam ketakutan.

Pengecualian ini juga tidak termasuk kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada atau berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, mencegah, menindas atau dengan apa-apa cara yang berkaitan dengan sebarang tindakan keganasan.

- e) Pihak Diinsuranskan:
  - i) terlibat dalam perjalanan udara/air/darat kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang;
  - ii) terlibat dalam tindakan jenayah;
  - iii) kegagalan Pihak Diinsuranskan mengambil langkah sewajarnya dan yang diperlukan untuk menyelamatkan atau mendapatkan kembali bagasi hilang;
  - iv) kegagalan Pihak Diinsuranskan untuk memaklumkan pihak berkuasa lapangan terbang/Syarikat Penerbangan tentang bagasi yang hilang di destinasi dan memperoleh laporan ketidakteraturan harta untuk kerugian yang ditanggung oleh Pengangkutan Umum;
  - vi) meninggalkan bagasi kepada Syarikat Penerbangan atau mana-mana pihak lain.
- f) rampasan, penahanan, pemusnahan objek yang dipakai pada tubuh badan oleh pihak kastam atau pihak berkuasa awam, di mana objek tersebut mempunyai kandungan logam berharga, batu permata atau batu permata semi precious.
- g) Liberty Insurance Berhad tidak akan menyediakan perlindungan atau perkhidmatan untuk:-
  - i) apa-apa kerugian, kecederaan, ganti rugi atau liabiliti undang-undang yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada perjalanan di dalam, ke

- atau melalui Afghanistan, Cuba, Republik Demokratik Congo, Iran, Iraq, Liberia, Sudan atau Syria; dan
- ii) apa-apa kerugian, kecederaan, ganti rugi atau liabiliti undang-undang yang ditanggung atau dialami secara langsung atau tidak langsung oleh seorang pihak diinsuranskan jika pihak diinsuranskan tersebut merupakan:
    - 1) seorang pengganas;
    - 2) ahli organisasi pengganas;
    - 3) pengedar narkotik; atau
    - 4) pembekal senjata nuklear, kimia atau biologi.
- h) Perlindungan insurans tidak termasuk yang berada di bawah kategori berikut:
- Pembelian tiket penerbangan yang dilakukan dengan kad kredit komersial yang dikaitkan kepada syarikat dan bukan seorang yang bernama, iaitu kakitangan, pengarah, individu yang diberi kuasa oleh syarikat dan/atau kakitangan Pengurusan
  - Penumpang yang melakukan perjalanan adalah tidak sama dengan pemegang kad bagi tiket penerbangan yang dicajkan
  - Jika lebih daripada 1 orang yang melakukan perjalanan dan semua tiket penerbangan dicajkan kepada kad Pembayaran yang sama, hanya pemegang kad yang merupakan penumpang perjalanan akan dilindungi
- i) Liberty Insurance Berhad tidak menyediakan perlindungan dan Liberty Insurance Berhad tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan atau menyediakan apa-apa manfaat di bawah ini setakat di mana peruntukan perlindungan sedemikian, pembayaran manfaat sedemikian akan mendedahkan Liberty Insurance Berhad, syarikat induknya atau entiti kawalan utamanya kepada sebarang sekatan, larangan atau halangan di bawah resolusi Bangsa-bangsa Bersatu atau perdagangan atau sekatan, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

### **BAHAGIAN 3: SYARAT TUNTUTAN**

- 3.1 Apabila berlaku apa-apa kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini, Pihak Diinsuranskan perlu, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan tetapi tidak lewat daripada 30 hari selepas kejadian sedemikian, memberi notis bertulis kepada Jabatan Tuntutan, Tingkat 8, Menara Liberty, 1008, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia, dengan menghubungi Liberty Insurance Berhad di talian 1 800 888 990 atau dengan menghantar e-mel ke [Customercare@libertyinsurance.com.my](mailto:Customercare@libertyinsurance.com.my). Pihak Diinsuranskan juga perlu memberi semua butiran dan bukti yang diperlukan sewajarnya oleh Liberty Insurance Berhad dan mengambil semua langkah yang dapat dilaksanakan untuk mengurangkan kerugian atau ganti rugi.
- 3.2 Semua maklumat, keterangan dan bukti yang diperlukan oleh Liberty Insurance Berhad atau wakil terpilih harus disediakan pada perbelanjaan Pihak Diinsuranskan dan harus berada dalam bentuk dan cara yang ditetapkan oleh Liberty Insurance Berhad atau wakil terpilih Liberty Insurance Berhad. Pihak Diinsuranskan harus mengambil segala tindakan dan perkara yang diperlukan sewajarnya oleh Liberty Insurance Berhad atau wakil terpilih Liberty Insurance Berhad.
- 3.3 Pihak Diinsuranskan perlu melengkapkan borang tuntutan, dan menyerahkannya kepada wakil terpilih dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan tetapi tidak lewat daripada 90 hari selepas peristiwa tersebut, bersama dengan yang berikut:
- a) Salinan borang caj yang mengesahkan bahawa tiket penerbangan yang berkenaan akan dicajkan ke Kad Pembayaran.
  - b) Salinan resit tiket penerbangan agen pelancongan atau Syarikat Penerbangan.
  - c) Salinan tiket penerbangan.
  - d) Salinan pas masuk Syarikat Penerbangan (jika berkenaan).
  - e) Laporan post-mortem/laporan perubatan seperti yang mungkin diperlukan oleh Liberty Insurance Berhad.
  - f) Surat daripada syarikat penerbangan mengesahkan tempoh dan sebab kelewatan/kerugian.

- 3.4 Indemniti untuk kehilangan nyawa akan dibayar kepada harta pusaka Pihak Diinsuranskan. Semua kerugian lain yang perlu dibayar kepada Pihak Diinsuranskan akan dibayar melalui kredit ke Kad Pembayaran.
- 3.5 Selepas berlaku kejadian kerugian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini, Pihak Diinsuranskan perlu dengan secepat mungkin mendapatkan dan mematuhi nasihat seorang Pengamal Perubatan. Liberty Insurance Berhad tidak bertanggungjawab terhadap sebarang akibat yang timbul disebabkan oleh kegagalan Pihak Diinsuranskan untuk mendapatkan atau mengikuti nasihat sedemikian dan menggunakan perkakas atau remedi sedemikian seperti yang ditetapkan dalam polisi ini.

#### **BAHAGIAN 4: SYARAT AM**

1. Semua perkataan yang muncul dalam jantina maskulin juga akan termasuk yang feminin.
2. Semua jumlah di sini dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).
3. Pematuhan dan pemenuhan syarat polisi ini, yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pemegang Polisi, Pemegang Kad, Pihak Diinsuranskan atau pihak menuntut, akan menjadi syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Liberty Insurance Berhad untuk malakukan apa-apa pembayaran di bawah polisi ini.
4. Liberty Insurance Berhad tidak terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh sebarang notis berkenaan apa-apa amanah, caj, lien, penyerahhakan atau urusan lain dengan atau berhubung dengan polisi ini.
5. Kebenaran untuk menggunakan data peribadi - Dengan menyerahkan permohonan untuk perlindungan, Pihak Diinsuranskan memberikan pengutipan maklumat peribadi beliau oleh Liberty Insurance Berhad (sama ada melalui telefon atau diperoleh dengan cara lain) dan maklumat sedemikian boleh dipegang, digunakan, atau didedahkan oleh Liberty Insurance Berhad kepada individu, penyedia perkhidmatan dan organisasi yang berkaitan dengan Liberty Insurance Berhad atau mana-mana pihak ketiga yang terpilih (di dalam atau di luar Malaysia, termasuk syarikat penyiasatan insurans semula dan tuntutan serta persatuan industri) bagi tujuan penyimpanan dan pemprosesan insurans ini dan penyediaan perkhidmatan selanjutnya untuk tujuan ini: Produk dan perkhidmatan kewangan Liberty Insurance Berhad, pemanfaatan data, tinjauan dan untuk berkomunikasi dengan Pihak Diinsuranskan. Pihak Diinsuranskan berhak untuk mendapat akses, meminta pembetulan atau menarik balik persetujuannya untuk menggunakan sebarang maklumat peribadi yang dipegang oleh Liberty Insurance Berhad.
6. Sebarang pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul antara Pemegang Polisi/Pihak Diinsuranskan dan Liberty Insurance Berhad boleh dirujuk kepada Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur. Semua prosiding timbang tara mesti diadakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh penafian. Jika tidak, Liberty Insurance Berhad tidak mempunyai kewajipan ke atas tuntutan tersebut.
7. Polisi ini perlu ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan/atau arahan yang dikeluarkan oleh badan kawal selia insurans Malaysia.
8. Perkataan yang mempunyai maksud tunggal, di dalam konteks yang berkenaan, akan juga termasuk maksud jamak dan sebaliknya.
9. Pihak Diinsuranskan perlu mengambil segala langkah berjaga-jaga dengan sewajarnya untuk keselamatan harta atau bagasi peribadi dan perlu mengamalkan ketelitian dan ketekunan untuk mengelak daripada sebarang Kecederaan Anggota Badan atau risiko yang tidak perlu terhadap mana-mana penyakit berjangkit.

10. Semua komunikasi kepada Liberty Insurance Berhad perlu dilakukan secara bertulis atau cara lain yang boleh diterima oleh Liberty Insurance Berhad.
11. Waktu merujuk kepada Waktu Malaysia.
12. Perubahan dalam polisi ini akan termasuk pengendorsan dan kertas yang dilampirkan, jika ada, dan mengandungi keseluruhan kontrak insurans.
13. Persetujuan penama tidak boleh menjadi prasyarat untuk menamatkan atau membatalkan polisi ini atau untuk penukaran penama atau untuk apa-apa perubahan dalam polisi ini.
14. Jika Liberty Insurance Berhad bertanggungjawab untuk melakukan apa-apa bayaran di bawah polisi ini, Liberty Insurance Berhad akan disubrogasi setakat pembayaran untuk semua hak dan remedai Pemegang Polisi/Diinsuranskan/Pihak Diinsuranskan terhadap mana-mana pihak dan yang berhak untuk perbelanjaannya sendiri untuk menyaman atas nama Pemegang Polisi/Diinsuranskan/Pihak Diinsuranskan. Pemegang Polisi/Diinsuranskan/Pihak Diinsuranskan mempunyai sebab untuk memberi Liberty Insurance Berhad semua bantuan sedemikian dalam kuasa beliau sebab Liberty Insurance Berhad perlu mendapatkan hak dan remedai, dan pada permintaan Liberty Insurance Berhad akan melaksanakan atau menyebabkannya untuk dilaksanakan.
15. Sebarang prosiding undang-undang terhadap Liberty Insurance Berhad adalah tidak sah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kemalangan.
16. Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.